

NOTA PENTING DARIPADA POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT KUMPULAN PNB

1. Pengenalan

- 1.1 Pemberian maklumat boleh didefinisikan sebagai pendedahan secara sukarela atau pelaporan mengenai penyelewengan individu atau organisasi, salah laku atau kelakuan tidak wajar dan mencurigakan oleh seseorang di dalam organisasi.
- 1.2 PNB memastikan piawaian standard yang tertinggi di dalam perniagaan dan etika peribadi dalam setiap tanggungjawab dan tugas. PNB menegakkan kejujuran dan integriti di dalam memenuhi peranannya bagi memastikan kepatuhan terhadap undang-undang dan peraturan.
- 1.3 PNB menggalakkan kesemua pihak terlibat untuk mengajukan dan menyuarakan kebimbangan dalam perilaku yang tidak wajar (atau salah laku) tanpa perasaan ragu dan khuatir tindakan tersebut akan mengundang sebarang diskriminasi atau penganiayaan.

2. Skop Polisi

- 2.1 Polisi Pemberian Maklumat Kumpulan PNB (“Polisi Pemberian Maklumat”) adalah bertujuan untuk memudahkan pendedahan yang berkaitan dengan rasuah/sogokan, kesalahan penyelewengan, salah laku, urusan haram, tingkah laku yang tidak wajar, masalah disiplin, sebarang pelanggaran polisi dan prosedur yang ditetapkan atau sebarang kelakuan yang menjejaskan reputasi dan kepentingan PNB dalam komitmennya untuk menggalakkan tahap ketelusan dan akauntabiliti yang tinggi.

2.2 Polisi ini merangkumi semua aduan tentang Salah Laku oleh Lembaga Pengarah, pengurusan kanan dan pekerja Kumpulan PNB, dan sesiapa sahaja yang menyediakan perkhidmatan kepada Kumpulan PNB, termasuk perunding, vendor, pelatih, kontraktor bebas, pembekal, ejen, agensi luar dan/atau pihak lain yang mempunyai hubungan perniagaan dengan Kumpulan PNB.

3. Prosedur Laporan

Pemberi maklumat boleh mendedahkan sebarang Salah Laku sama ada menggunakan borang yang ditetapkan atau melalui mana-mana saluran berikut:

- a) Talian Telefon : +603-20505294
- b) E-mel : ClqO@pnb.com.my
- c) Alamat : Ketua Pegawai Integriti, Bahagian Pematuhan dan Integriti, Permodalan Nasional Berhad, Tingkat 26, Menara PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.
- d) Laman web PNB: https://www.pnb.com.my/02_8CorruptionFree_EN.php.

4 Definisi dan terjemahan

Terminologi	Definisi
Maklumat Sulit:	Sebarang maklumat yang secara semula jadi bersifat sulit atau sensitif dan/atau tidak tersedia secara umum dan dalam Polisi ini, termasuk: <ul style="list-style-type: none">a) maklumat mengenai identiti, pangkat, kedudukan atau maklumat peribadi lain mengenai Pemberi Maklumat; ataub) seseorang yang telah dilaporkan oleh Pemberi Maklumat; atauc) maklumat yang didedahkan oleh Pemberi Maklumat; ataud) maklumat yang jika didedahkan, boleh menyebabkan kesan buruk kepada mana-mana orang.

PNB : Permodalan Nasional Berhad

- Kumpulan PNB** : Bermaksud Permodalan Nasional Berhad dan/atau entiti berikut, mana yang berkenaan:
- a) Amanah Saham Nasional Berhad;
 - b) Pelaburan Hartanah Nasional Berhad;
 - c) PNB Merdeka Ventures Sdn Berhad;
 - d) PNB Research Institute Sdn Bhd; dan
 - e) Mana-mana Syarikat dan /atau entiti yang dipersetujui oleh ahli lembaga pengarah PNB.
- Pemberi Maklumat** : mana-mana pihak yang terlibat dalam membuat pendedahan Salah Laku.
- Salah Laku** : Sebarang perilaku yang merujuk kesalahan tata tertib atau jenayah.

5. Kerahsiaan/Sulit

- 5.1 Mana-mana orang yang mengetahui mengenai laporan Salah Laku harus melakukan segala usaha yang wajar untuk menjaga kerahsiaan Maklumat Sulit, khususnya identiti Pemberi Maklumat.
- 5.2 Pemberi Maklumat, penerima maklumat atau mana-mana individu terlibat dalam proses pemberian maklumat ini hendaklah merahsiakan maklumat yang diterima daripada pemberi atau sebarang maklumat berkaitan, atau sebarang hasil perbincangan daripada prosiding, kecuali;
- i) pendedahan dibuat kepada mereka yang mempunyai kuasa di bawah polisi ini dan mempunyai sebab yang kukuh untuk mengetahui maklumat tersebut atas dasar kerja; atau
 - ii) pendedahan dibuat kepada pihak ketiga atas dasar kerahsiaan/sulit bagi tujuan untuk mendapatkan nasihat pakar; atau
 - iii) pendedahan yang diperlukan oleh mana-mana undang-undang atau bidang kuasa berkanun.